PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD (No.12557-W)

A Member Of The Pacific & Orient Group

Internet: www.poi2u.com

STAMP DUTY PAID

HEAD OFFICE 11th Floor Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, P.O.Box 10953, 50730 Kuala Lumpur, Malaysia
Telephone: +603-2698 5033 Fax: +603-2693 8145 Toll Free: 1-800-88-2121

BRANCH

Johor Bahru — Suite 905, 9th Floor, Johor Tower, No.15 Jalan Gereja, 80100, Johor Bahru, Johor, Malaysia Tel: 07-222 2537 Fax: 07-224 5631
Melaka — No.2, Jalan PM7, Plaza Mahkota, Bandar Hilir, 75000 Melaka, Malaysia Tel: 06 –284 8298 Fax: 06-284 9619
Ipoh — 75, Jalan Raja Ekram, 30450 Ipoh, Perak, Malaysia Tel: 05-255 0370 Fax: 05-253 2943
Penang — 66, Jalan Zainal Abidin, 10400 Pulau Pinang Tel: 04-2278 355 Fax: 04-2278 343
Kuantan — B-62, Lorong Tun Ismail 8, Sri Dagangan 2, Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan, Pahang Tel: 09-514 6332 Fax: 09-516 2858
Website — www.poi2u.com

WORKMEN'S COMPENSATION POLICY / POLISI PAMPASAN PEKERJA

The benefits(s) payable under eligible certificate/policy product is (are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Pacific & Orient Insurance Co. Berhad (Visit www.pidm.gov.my)

For Non - Consumer Insurance Contracts (Insurance for purposes related to the Insured's trade, business or profession)

This Policy is issued in consideration of the payment of premium as specified in the Policy Schedule and pursuant to the answers given in the Insured's Proposal Form (or when the Insured applied for this insurance) and any other disclosures made by the Insured between the time of submission of the Insured's Proposal Form (or when the Insured applied for this insurance) and the time this contract is entered into. The answers and any other disclosures given by the Insured shall form part of this contract of insurance between the Insured and Pacific & Orient Insurance Co. Berhad (hereinafter called "the Company"). In the event of any pre-contractual misrepresentation made in relation to the Insured's answers or in any disclosures made by the Insured, it may result in avoidance of the Insured's contract of insurance, refusal or reduction of the Insured's claim(s), change of terms or termination of the Insured's contract of insurance.

This Policy reflects the terms and conditions of the contract of insurance as agreed between the Insured and the Company.

Bagi Kontrak Insurans Komersial (Insurans bagi tujuan perdagangan, perniagaan atau profesion)

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan pihak yang diinsurans (atau semasa pihak yang diinsurans memohon insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak yang diinsurans pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan pihak yang diinsurans (atau semasa pihak yang diinsurans memohon insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang pihak yang diinsurans berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara pihak yang diinsurans dan Pacific & Orient Insurance Co. Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "Syarikat"). Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan pihak yang diinsurans atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh pihak yang diinsurans, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans pihak yang diinsurans, keengganan atau pengurangan gantirugi pihak yang diinsurans, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans pihak yang diinsurans.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara pihak yang diinsurans dan pihak Syarikat.

WHEREAS the Insured carrying on the Business described in the Schedule and no other for the purpose of this insurance by a proposal and declaration which shall be the basis of this contract and is deemed to be incorporated herein has applied to the **PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD** thereinafter called "the Company") for the insurance hereinafter contained and has paid or agreed to pay the premium as consideration for such insurance.

BAHAWASANYA Pemegang Insurans yang menjalankan Perniagaan yang dihuraikan dalam Jadual dan bukan yang lain bagi tujuan Insurans ini, menerusi satu cadangan dan perakuan yang menjadi asas bagi Kontrak ini dan dianggap sebagai terkandung di dalamnya, telah memohon kepada* PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD *(seterusnya dirujuk sebagai "Syarikat") untuk Insurans yang terkandung seterusnya dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar Premium sebagai pertimbangan untuk mendapatkan insurans sedemikian.

NOW THIS POLICY WITNESSETH that if at any time during the Period of Insurance any employee in the Insured's immediate service shall sustain personal injury by accident or disease arising out of and in the course of his employment by the Insured in the Business and if the Insured shall be liable to pay compensation for such injury either under the Law(s) set out in the Schedule or at Common Law then subject to the terms exceptions and conditions contained herein or endorsed hereon the Company will indemnify the Insured against all sums for which the Insured shall be so liable and will in addition be responsible for all costs and expenses incurred with its consent in defending any claim for such compensation.

MAKA POLISI INI PERERAKUI bahawa jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans mana-mana kakitangan yang bertugas secara langsung dengan Pihak Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan peribadi akibat kemalangan atau penyakit yang berpunca daripada dan berlaku semasa bertugas menjalankan urusan Perniagaan Pihak Yang Diinsuranskan, dan jika Pihak Yang Diinsuranskan dikehendaki membayar pampasan untuk kecederaan tersebut di bawah Undang-Undang yang disenaraikan dalam Jadual atau menurut Undang-Undang Umum (Common Law) maka tertakluk kepada peraturan, pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung dalam polisi ini atau diendors kepadanya, Syarikat akan menanggung kerugian Pihak Yang Diinsuranskan terhadap semua jumlah yang ditanggung oleh Pihak Yang Diinsuranskan dan di samping itu akan bertanggungjawab terhadap segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung dengan kebenarannya dalam pembelaan terhadap sebarang tuntutan pampas an sedemikian.

PROVIDED ALWAYS that in the event of any change in the Law(s) or the substitution of other legislation therefore this Policy shall remain in force but the liability of the Company shall be limited to such sum as the Company would have been liable to pay of the Law(s) had remained unaltered.

DENGAN SYARAT bahawa jika berlaku sebarang perubahan dalam Undang-Undang atau penggantiannya oleh undang-undang lain, Polisi ini akan terus berkuatkuasa tetapi tanggungan Syariakt akan terhad kepada jumlah seperti mana perlu dibayar oleh Syarikat jika Undang-Undang tersebut tidak diubah.

EXCEPTIONS / PENGECUALIAN

The Company shall not be liable under this Policy in respect of / ***Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah Polisi ini terhadap***

(a) Any injury by accident or disease directly attributable to war invasion act of foreign enemy hostilities (whether war be declared or not) civil war mutiny insurrection rebellion revolution or military or usurped power.
Sebarang kecederaan akibat kemalangan atau penyakit yang secara langsung disebabkan oleh peperangan, serangan, pertempuran dengan musuh negara asing (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) perang saudara, dahagi, penderhakaan, pemberontakan, revolusi, pemerintahan tentera atau rampasan kuasa.

(b) The Insured's liability to employees of contractors to the Insured.
Tanggungan Pihak Yang Diinsuranskan terhadap kakitangan kontraktor Pihak Yang Diinsuranskan.

(c) Any employee who is not a "workman" within the meaning of the Law(s).
Mana-mana kakitangan yang tidak dianggap sebagai "pekerja" di bawah Undang-Undang.

(d) Any liability of the Insured which attaches by virtue of an agreement but which would not have attached in the absence of such agreement. / ***Sebarang tanggungan Pihak Yang Diinsuranskan yang berbangkit berdasarkan satu perjanjian yang mana tanggungan tersebut tidak akan berbangkit tanpa perjanjian tersebut.***

(e) Any sum which the Insured would have been entitled to recover from any party but for and agreement between the Insured and such party. / ***Sebarang jumlah yang sepatutnya berhak diperolehi semula oleh Pihak Yang Diinsuranskan daripada mana-mana pihak sekiranya tidak ada perjanjian antara Pihak Yang Diinsuranskan dan pihak tersebut.***

(f) Any liability of whatsoever nature directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from (i) nuclear weapons material (ii) ionising radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel and for the purposes of this exception combustion shall include any self-sustaining process of nuclear fission.
Sebarang bentuk tanggungan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau berbangkit atau berpunca daripada: (i) bahan-bahan senjata nuklear (ii) radiasi pengionan atau pencemaran sinaran radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear dan bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan.

CONDITIONS / SYARAT-SYARAT

1. This Policy and the Schedule shall be read together as one contract and any word for expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Policy or of the Schedule shall bear such specific meaning wherever it may appear.
Polisi ini dan Jadualnya hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau penyataan yang disertakan dengan makna khusus dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual hendaklah membawa makna khusus yang sama di mana juga ia digunakan.

2. Every notice or communication to be given or made under this Policy shall be delivered in writing to the Company.
Setiap notis atau komunikasi yang perlu diberikan atau dibuat di bawah Polis ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Syarikat.

3. The Insured shall take reasonable precautions to prevent accident and disease and shall comply with all statutory obligations.
Pihak Yang Diinsurankan hendaklah mengambil langkah-langkah berwaspada yang sewajarnya untuk mencegah kemalangan dan penyakit dan hendaklah mematuhi segala tanggungjawab undang-undang.

4. In the event of any occurrence which may give rise to a claim under this Policy the Insured shall as soon as possible within 14 days give notices thereof to the Company with full particulars. Every letter claim writ summons and process shall be notified or forwarded to the Company immediately on receipt. Notice shall also be given to the Company immediately the Insured shall have knowledge of any impending prosecution inquest or fatal enquiry in connection with any such occurrence as aforesaid.
Sekiranya berlaku sebarang kemalangan yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Pihak Yang Diinsuranskan hendaklah secepat mungkin memberi notis mengenainya dalam tempoh 14 hari kepada Syarikat bersama butir-butir lengkap. Setiap surat, tuntutan, writ saman dan proses hendaklah diberitahu atau diserahkan kepada Syarikat sebaik sahaja diterima. Notis juga hendaklah diberikan kepada Syarikat sebaik sahaja Pihak Yang Diinsuranskan memperolehi maklumat mengenai sebarang pendakwaan, soal siasat atau penyiasatan kematian yang bakal diadakan berhubung dengan sebarang kejadian yang tersebut di atas

5. No admission offer promise or payment shall be made or on behalf of the Insured without the consent of the Company which shall be entitled if it so desires to take over and conduct in his name the defence or settlement of any claim or to prosecute in his name for its own benefit any claim for indemnity or damages or otherwise and shall have full discretion in the conduct of any proceedings and in the settlement of any claim and the Insured shall give all such information and assistance as the Company may require.
Sebarang pengakuan, tawaran, janji atau pembayaran tidak boleh dibuat oleh dan bagi pihak Pihak Yang Diinsuranskan tanpa kebenaran Syarikat, yang berhak, jika berhasrat demikian, untuk mengambil alih dan menjalankan, di atas namanya, pembelaan atau penyelesaian sebarang tuntutan atau membuat dakwaan, di atas namanya bagi faedah
Syarikat sendiri, terhadap sebarang tuntutan bagi tanggungan kerugian atau ganti rugi atau selainnya dan boleh menggunakan budi bicara sendiri sepenuhnya dalam menjalankan sebarang prosiding dan meyelesaikan sebarang tuntutan, dan Pihak Yang Diinsuranskan dikehendaki memberikan segala maklumat dan bantuan yang mungkin diperlukan oleh Syarikat.

6. The first premium and all renewal premiums that may be accepted are to be regulated by the amount of wages and salaries and other earnings paid by the Insured to employees during each Period of Insurance. The name of every employee together with the amount of wages salary and other earnings shall be properly recorded and the Insured shall at all times allow the Company to inspect such records and shall supply the Company with a correct account of all such wages, salaries and other earnings paid during any period of Insurance within one month from the expiry date of such Period of Insurance. If the amount so paid shall differ from the amount on which premium has been paid the difference in premium shall be met by a further proportionate payment to the Company as the case may be.
Premium pertama dan semua premium pembaharuan yang mungkin diterima hendaklah ditetapkan mengikut jumlah upah dan gaji dan pendapatan lain yang dibayar oleh Pihak Yang Diinsuranskan kepada kakitangan dalam setiap Tempoh Insurans. Nama setiap kakitangan bersama dengan jumlah upah, gaji dan pendapatan lain hendaklah dicatat dengan betul dan Pihak Yang Diinsuranskan hendaklah pada setiap masa membenarkan Syarikat memeriksa rekod-rekod tersebut dan hendaklah membekalkan kepada Syarikat akaun yang betul mengenai segala upah, gaji dan pendapatan lain yang dibayar sepanjang sebarang Tempoh Insurans, dalam masa satu bulan dari tarikh tamat Tempoh Insurans. Jika jumlah bayaran tersebut berbeza daripada jumlah yang digunakan untuk mengira premium yang telah dibayar, perbezaan bayaran pemium hendaklah dijelaskan menerusi bayaran tambahan bersekadar kepada Syarikat atau menerusi pembayran balik oleh Syarikat mengikut keadaan.

7. The Company may cancel this Policy by sending seven days notice by registered letter to the Insured at his last known address and in such event the premium shall be adjusted in accordance with Condition 6.
Syarikat boleh membatalkan Polisi ini dengan menghantar notis tujuh hari melalui surat berdaftar kepada Pihak Yang Diinsuranskan di alamat terakhirnya dan jika ini berlaku penyelarasan premium hendaklah dibuat mengikut Syarat 6.

8. All differences arising out of this Policy shall be referred to the decision of an Arbitrator to be appointed in writing by the parties in difference or if they cannot agree upon a single Arbitrator to the decision of two Arbitrators one to be appointed in writing by each of the parties within one calendar month after having been required in writing so to do by either of the parties or in case the Arbitrators do not agree of an Umpire appointed in writing by the Arbitrators before entering upon the reference. The Umpire shall sit with the Arbitrators and preside at their meetings and the making of an Award shall be a condition precedent to any right of action against the company. If the Company shall disclaim liability to the Insured for any claim hereunder and such claim shall not within twelve calendar months from the date of such disclaimer have been referred to arbitration under the provisions herein contained then the claim shall for all purposes be deemed to have been abandoned and shall not thereafter be recoverable hereunder.
Segala percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah diputuskan oleh seorang Penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah, atau yang diputuskan oleh dua penimbangtara yang masing-masing dilantik secara bertulis oleh kedua pihak jika mereka tidak bersetuju dengan Penimbangtara tunggal, dalam tempoh satu bulan selepas diperlukan berbuat demikian secara bertulis oleh salah satu pihak , atau seandainya kedua-dua Penimbangtara tidak boleh mencapai satu persetujuan maka ia hendaklah diputuskan oleh seorang Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh kedua Penimbangtara sebelum mendengar perkara yang dirujuk. Pengadil akan duduk bersama kedua Penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dengan satu keputusan mesti dibuat sebagai syarat sebelum mana-mana pihak mengambil tindakan terhadap Syarikat. Jika Syarikat menolak tanggungan kepada Pihak Yang Diinsuranskan terhadap sebarang tuntutan di bawah Polisi ini dan tuntutan tersebut tidak dirujuk untuk penimbangtaraan di bawah peruntukan yang terkandung di sini dalam tempoh dua belas bulan calendar dari tarikh penolakan tanggungan tersebut, maka tuntutan tersebut akan dianggap sebagai diabaikan dan tidak boleh diteruskan selepas itu di bawah Polisi ini.

9. The due observance and fulfillment of the terms conditions and endorsements of this Policy so far as they relate to anything to be done or not to be done by the Insured and the truth of statements and answers in the Proposal shall be conditions precedent to any liability of the Company to make any payment under this Policy.
Adalah menjadi syarat sebelum Syarikat menerima sebarang tanggungan untuk sebarang pembayaran di bawah Polisi ini, Pihak Yang Diinsuranskan dengan sewajarnya mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, syarat-syarat dan pengendorsan kepada polisi ini setakat yang melibatkan apa yang harus dilakukan atau tidak dilakukan olehnya dan memastikan kebenaran kenyataan dan jawapan yang diberikan dalam Cadangan.

10. The Company shall not be liable in respect of any accident or disease occurring before the actual receipt of the premium by the Company or its authorized agents or in respect of any accident or disease occurring after the date of expiry and before the actual receipt of the premium for renewal.
Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kemalangan atau penyakit yang berlaku sebelum penerimaan sebenar premium oleh Syarikat atau ejennya yang sah atau bagi sebarang kemalangan atau penyakit yang berlaku selepas tarikh tamat dan sebelum penerimaan sebenar premium untuk pembaharuan.

PREMIUM WARRANTY / WARANTI PREMIUM

It is a fundamental and absolute special condition of this contract of insurance that the premium due must be paid and received by the insurer within sixty (60) days from the inception date of this Policy / Endorsement / Renewal Certificate.
Adalah menjadi syarat khas asasi dan mutlak kepada kontrak Insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat Insurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh berkuatkuasa Polisi / Pengendorsan / Sijil Pembaharuan ini.

If this condition is not complied with then this contract is automatically cancelled and the insurer shall be entitled to the pro rata premium for the period they have been on risk.
Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan Syarikat Insurans berhak untuk mengenakan bayaran premium secara pro rata bagi tempoh mereka menanggung risiko.

Where the premium payable pursuant to this warranty is received by an authorized agent of the insurer, the payment shall be deemed to be received by the insurer for the purposes of this warranty and the onus of proving that the premium payable was received by a person, including an Insurance Agent, who was not authorised to receive such premium shall lie on the insurer.
Di mana premium yang perlu dibayar di bawah waranti ini diterima oleh ejen Syarikat Insurans yang bertauliah, bayaran tersebut hendaklah dianggap sebagai diterima oleh Syarikat Insurans untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab membuktikan premium yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk Ejen Insurans, yang tidak bertauliah untuk menerima premium tersebut, terletak pada pihak Syarikat Insurans.

IMPORTANT NOTICE / NOTIS PENTING

Your attention is drawn to the 60 days premium warranty attached to the policy.
Sila rujuk kepada waranti premium 60 hari yang dilampirkan kepada Polisi ini.

By this warranty, the insurance policy is automatically cancelled unless the full premium is paid to the insurer within 60 days from the commencement date of cover. Plese note that if this insurance is transacted through your insurance broker, the broker is acting on your behalf for the purpose of formation of this contract of insurance. It is important that you make full payment of the premium to your broker as soon as possible and in any case within the 60 days period of the premium warranty so as to enable your broker to remit the premiums early to your insurer. You are advised to request your broker to furnish you with the broker's and insurer's receipt on the premium that you paid.
Menerusi waranti ini, Polisi Insurans ini terbatal secara automatic melainkan premium penuh dibayar kepada Syarikat Insurans dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan perlindungan. Sila perhatikan bahawa sekiranya insurans ini diuruskan menerusi Broker insurans anda, Broker itu bertindak bagi pihak anda bagi tujuan pembentukan Kontrak Insurans ini. Adalah penting untuk anda membuat pembayaran penuh premium kepada Broker anda secepat mungkin dan dalam sebarang kes, dalam tempoh 60 hari waranti premium untuk membolehkan Broker anda menyerahkan segera premium kepada Syarikat Insurans anda. Anda dinasihatkan supaya meminta Broker anda mengeluarkan resit Broker dan Syarikat Insurans bagi premium yang telah anda bayar.

WARRANTY 231 / WARANTI 231

Notwithstanding anything stated to the contrary in this policy, and subject to Condition 6 being deleted it is understood and agreed that if the wages herein stated are less than the actual wages (as defined in the Workmen's Compensation Ordinance currently in force) paid for payable to the workmen hereby insured corresponding to the period of insurance, the liability of the Company in respect of any claim under this Policy shall be proportionately reduced and the insured shall be considered as his own insurer for the difference.
UNLESS OTHERWISE STATED HEREIN POLICY CONDITION 6 IS DEEMED TO BE DELETED.
Walau apa pun yang menyatakan sebaliknya di dalam polisi, dan tertakluk kepada pembatalan Syarat 6, adalah difahami dan dipersetujui bahawa jika gaji yang dinyatakan di dalam ini adalah kurang daripada gaji sebenar (seperti yang ditafsirkan dalam Ordinan Pampasan Pekerja yang kini berkuatkuasa) yang dibayar atau perlu dibayar kepada pekerja yang diinsuranskan di bawah ini dalam tempoh insurans, tanggungan syarikat bagi sebarang tuntutan di bawah polisi ini hendaklah dikurangkan secara bersekadar dan Pemegang Insurans dianggap sebagai menanggung sendiri perbezaannya.
MELAINKAN DINYATAKAN SEBALIKNYA DI DALAM INI, SYARAT 6 POLISI DIANGGAP SEBAGAI DIBATALKAN.

WARRANTIES, ENDORSEMENTS AND CLAUSES / WARANTI, PENGENDORSAN DAN FASAL

The following Warranties, Endorsements and Clauses are not applicable unless specified in the schedule.
Waranti, Pengendorsan dan Fasal yang berikut tidak berkuatkuasa melainkan dinyatakan secara khusus dalam Jadual.

3P11 VOLUNTARY WORKMEN'S COMPENSATION ENDORSEMENT / PENGENDORSAN PAMPASAN PEKERJA SUKARELA

It is hereby declared and agreed that the insurance under this policy shall extend to cover employees who are registered with and contributing to the employees social security act 1969 (SOCSO). In the event of any claim for employment injury, the company agrees to indemnify the insured employee for such amounts as the insured would have been obliged to pay by way of compensation under the workmen's compensation ordinance 1952 (including its subsequent amendments), without the need for a labour assessment report from the government labour office. It is however agreed and noted that the insurance provided by this policy shall not be construed by the insured as an exemption to comply with any statutory obligation, including registration of employees with the social security scheme (SOCSO) where applicable.
Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa insurans di bawah polisi ini akan dilanjutkan untuk melindungi kakitangan yang berdaftar dengan dan mencarum kepada Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Sekiranya timbul sebarang tuntutan bagi kecederaan semasa bekerja, syarikat bersetuju untuk membayar pampasan kepada Pihak Yang Diinsuranskan atau kakitangan Pihak Yang Diinsuranskan jumlah yang perlu dibayar oleh Pemegang Insurans dalam bentuk pampasan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja 1952 (termasuk sebarang pindaan seterusnya) tanpa memerlukan laporan penilaian buruh daripada Pejabat Buruh kerajaan.
Bagaimanapun, adalah dipersetujui dan dicatatkan di sini bahawa insurans yang diberikan di bawah polisi ini tidak boleh dianggap oleh Pemegang Insurans sebagai pengecualian daripada mematuhi sebarang kewajipan di bawah undang-undang, termasuk pendaftaran kakitangan dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) di mana sesuai.

3P20 LIMIT ON COMMON LAW LIABILITY (RM1,000,000.00) / HAD TANGGUNGAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG AM (RM1,000,000.00)

It is hereby declared and agreed that notwithstanding anything contained in this policy to the contrary, the limit of indemnity for the insured's liability at Common Law shall be limited to Ringgit Malaysia One Million only (RM1,000,000.00) each and every accident and in all during the period of this insurance.
Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa walau apa pun yang terkandung di dalam polisi ini yang menyatakan sebaliknya, had Pampasan ke atas Liabiliti Pihak Yang Diinsuranskan di bawah Undang-Undang Am dihadkan kepada Satu Juta Ringgit Malaysia (RM1,000,000.00) sahaja bagi setiap satu kemalangan dan secara keseluruhan sepanjang tempoh insurans ini.

3P21 JURISDICTION CLAUSE / FASAL BIDANG KUASA

Notwithstanding anything contained herein to the contrary it is agreed that the indemnity provided herein shall not apply to:-
Walau apa pun yang terkandung di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, adalah dipersetujui bahawa pampasan yang diberikan di bawah ini tidak akan meliputi:-

i) Compensation for damages in respect of judgements delivered or obtained in the first instance otherwise then by a court of competent jurisdiction within Malaysia.
Gantirugi berpandukan keputusan yang dibuat oleh atau diperolehi pada asalnya melainkan daripada mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang sah di dalam Malaysia.

ii) Cost and expenses of litigation recovered by any claimant from the insured which are not incurred and recoverable in Malaysia.
Kos dan perbelenjaan guaman yang diperolehi oleh mana-mana pihak yang membuat tuntutan daripada Pihak Yang Diinsuranskan yang tidak ditanggung dan tidak boleh diperolehi di Malaysia.

3P23 WORKAWAY RISK CLAUSE / BEKERJA DI LUAR NEGARA

The Policy is extended to include the Insured's liability as within defined in respect of accidents to employees working abroad on temporary assignments, provided that any compensation or benefit arising therefrom must abide by the Malaysian or Singapore or Brunei Statutory Law and Jurisdiction.
Polisi ini dilanjutkan untuk meliputi tanggungan Pihak Yang Diinsuranskan seperti yang ditakrifkan di dalam ini bagi kemalangan ke atas pekerja yang ditugaskan sementara di luar Negara, dengan syarat bahawa sebarang tuntutan pampasan atau faedah yang timbul daripadanya mesti mematuhi dan dalam Bidang Kuasa Undang-Undang Berkanun Malaysia atau Singapura atau Brunei.

WARRANTY 1 / WARANTI 1

ENDORSEMENT "A" & "B" – LIABILITY AGAINST GOVERNMENT OFFICERS (GOVERNMENT CONTRACTS)
PENGENDORSAN "A" & "B" – LIABILITI TERHADAP PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (KONTRAK KERAJAAN)
Endorsement A / ***Pengendorsan A***
It is hereby understood and agreed that in the event of any workmen employed by the within insured or by the insured's Contractors as referred to in Endorsement "B" herein or any dependent of such workmen, bringing or making a claim under the Workmen's Compensaton Ordinance in force in Malaysia against any officer of the Government of Malaysia or any state thereof for personal injury or disease or death sustained whilst at work on any Contract covered by the terms and conditions of the within Policy which the Insured may be carrying out for the said officer or Government, the company will indemnify the said officer against such claim, and any costs and charges and expenses in respect thereof. Provided always that the Company shall be entitled to have the sole conduct and control of all proceedings connected with claims covered by this endorsement, nothing in the endorsement shall be construed as affecting the Insured's right to recover damages in any other way under this said Ordinance.

Dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya mana-mana pekerja yang digaji oleh Pihak Yang Diinsuranskan atau oleh Kontraktor Pihak Yang Diinsuranskan seperti yang dihuraikan dalam Pengendorsan "B" di dalam ini atau mana-mana tanggungan pekerja tersebut mengemuka atau membuat tuntutan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja yang berkuatkuasa di Malaysia terhadap mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia atau mana-mana negeri di dalamnya, bagi kecederaan peribadi atau penyakit atau kematian yang dialami semasa bertugas di bawah sebarang Kontrak yang diliputi oleh peraturan-peraturan dan syarat-syarat Polisi, yang dijalankan oleh Pihak Yang Diinsuranskan untuk pegawai tersebut atau kerajaan, Syarikat akan menanggung kerugian pegawai tersebut terhadap tuntutan sedemikian dan sebarang kos, caj dan perbelanjaan yang berbangkit darinya. Dengan syarat bahawa segala hal Syarikat berhak untuk menjalankan dan mengawal sepenuhnya segala prosiding yang berkaitan dengan tuntutan yang dilindungi oleh pengendorsan ini. Tiada apa pun yang terkandung dalam pengendorsan ini yang boleh dianggap sebagai menjejaskan hak Pihak Yang Diinsuranskan untuk mendapatkan ganti rugi dalam sebarang cara lain di bawah Ordinan tersebut.

Endorsement B / ***Pengendorsan B***
It is hereby understood and agreed that the indemnity herein granted is intended to cover legal liability of the Insured to workmen in the employment of Contractors performing work for the Insured while engaged in the business and occupation in respect of which the within policy is granted but only so far as regards Claim under the Workmen's Compensation Ordinance in force in Malaysia.
Dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa tanggungan yang diberikan di bawah ini adalah untuk melindungi liabiliti undang-undang Pihak Yang Diinsuranskan kepada pekerja yang bekerja untuk Kontraktor-Kontraktor yang menjalankan kerja-kerja untuk Pihak Yang Diinsuranskan semasa terlibat dalam perniagaan dan pekerjaan yang dilindungi di bawah Polisi, tetapi hanya setakat yang berkaitan dengan Tuntutan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja yang berkuatkuasa di Malaysia.

WARANTY 60 – SUB-CONTRACTORS' WORKMEN / WARANTI 60 – PEKERJA KONTRAKTOR KECIL (SUB-KONTRAKTOR)

It is hereby understood and agreed that subject otherwise to the terms, Exceptions and Conditions of the Policy the indemnity herein granted is extended to cover the legal liability of the Insured to workmen in the employment of sub-contractors performing work for the Insured while engaged in the business and occupation in respect of which the within policy is granted, but only so far as regards claim under including subsequent amendments to the said Ordinances and Enactmant passed prior to the date of this endorsement.
Dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa tertakluk dalam lain hal kepada Syarat-Syarat, Pengecualian-Pengecualian dan Peraturan-Peraturan Polisi, ganti rugi yang diberikan di dalam ini dilanjutkan untuk meliputi tanggungan undang-undang Pihak Yang Diinsuranskan terhadap pekerja kontraktor kecil (sub-kontraktor) yang menjalankan kerja untuk Pihak Yang Diinsuranskan semasa terlibat dalam perniagaan dan pekerjaan yang dilindungi di bawah Polisi, tetapi hanya setakat yang berkaitan dengan tuntutan di bawah Ordinan Pampasan Perkerja termasuk pindaan-pindaan seterusnya kepada Ordinan tersebut dan Enakmen yang diluluskan sebelum tarikh pengendorsan ini.

WARANTY 76 / WARANTI 76

ORDINANCE COVER FOR "NON-WORKMEN" / ***PERLINDUNGAN ORDINAN BAGI "BUKAN PEKERJA"***
In consideration of premium being paid on the total earnings of all employees not being workmen within the meaning of the workmen compensation ordinance it is hereby agreed that the Company will not in the event of any accident arising out of and in the course of employment to any such employee whilst engaged in the service of the Insured as set forth in the said Schedule raise the defence that such employee is not a workman within the meaning of the aforesaid Ordinance.
Subject otherwise to the terms and conditions of the within Policy.
Sebagai pertimbangan untuk premium yang dibayar ke atas jumlah pendapatan semua kakitangan yang bukan ditakrifkan sebagai pekerja seperti dimaksudkan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja, dengan ini dipersetujui bahawa sekiranya berlaku sebarang kemalangan kepada kakitangan sedemikian akibat daripada dan sewaktu menjalankan tugas semasa berkhidmat dengan Pihak Yang Diinsuranskan seperti yang ditetapkan dalam Jadual tersebut, Syarikat tidak akan menggunakan alasan pembelaan bahawa kakitangan tersebut bukan seorang pekerja seperti dimaksudkan di bawah Ordinan tersebut.
Tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan di dalam Polisi.

WARANTY 77 / WARANTI 77

COMMON LAW EXTN. TO "NON-WORKMEN" / ***LANJUTAN UNDANG-UNDANG AM KEPADA "BUKAN PEKERJA"***
In consideration of premium being paid on the total earnings of the employees described in the Schedule hereunder, not being workmen as defined in the workmen compensation ordinance it is hereby agreed that the within Policy is extended to indemnify the Insured in respect of his liability at Common Law for accidents to such employees arising out of and in the course of employment.

Subject otherwise to the terms and conditions of the within Policy.

Sebagai pertimbangan untuk premium yang dibayar ke atas jumlah pendapatan kakitangan yang dihuraikan di dalam Jadual di bawah ini dan yang bukan pekerja seperti yang ditakrifkan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja, dengan ini dipersetujui bahawa kandungan Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi liabiliti Pihak Yang Diinsuranskan di bawah Undang-Undang Am bagi kemalangan kepada kakitangan tersebut akibat daripada dan sewaktu menjalankan pekerjaan.

Tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan di dalam Polisi.

Disputes can be referred to: Ombudsman for Financial Services (OFS) (Formerly known as Financial Mediation Bureau)
Tel No : 03-2272 2811
Sebarang pertikaian boleh dirujuk kepada: Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) (Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) Tel No : 03-2272 2811